

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 8 DISEMBER 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 22

### **PETRONAS temui minyak, gas di luar pesisir Sarawak**

#### **PETRONAS temui minyak, gas di luar pesisir Sarawak**

**PETRONAS** menerusi anak syarikatnya, PETRONAS Carigali Sdn Bhd (PCSB) mememui minyak dan gas di telaga Nahara-1 di Blok SK306, yang terletak di perairan cetek di Balingian kira-kira 150 kilometer dari Binjai, luar pantai Sarawak.

Telaga Nahara-1 berjaya digerudi sehingga kedalaman keseluruhan 2,468 meter dan menemui hidrokarbon di jujukan sedimen Late Oligocene hingga Middle Miocene, kata PETRONAS dalam satu kenyataan hari ini.

Minyak ringan dengan bahan cemar minimum juga terbentuk selepas pengujian pengeluaran dijalankan bagi telaga itu.

PCSB adalah pengendali blok itu dengan 100 peratus kepentingan penyertaan dalam kontrak perkongsian pengeluarannya.

Naib Presiden Eksplorasi PETRONAS, Mohd Redhani Abdul Rahman, berkata syarikat itu gembira dengan penemuan tersebut dan impaknya ke atas usaha eksplorasi masa depan di kawasan sekitar.

"Nahara-1 adalah penemuan minyak yang penting oleh PCSB dalam tempoh dekad lepas. Ia adalah bukti potensi besar lembangan prolifik Malaysia yang kekal sangat prospektif," katanya.

Mohd Redhani berkata, penemuan itu juga mengukuhkan strategi eksplorasi semasa PCSB untuk meneruskan fokus dalam usaha eksplorasinya di lembangan Malaysia. BERNAMA